




# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

9 OGOS 2024 (JUMAAT)

## 'Teruskan Siasatan Kes Tular Kucing Tergantung, Terseret Pada Kenderaan'

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	9 Ogos



Kucing yang tergantung di belakang kereta pacuan empat roda seperti yang tular.

Kuala Lumpur: Persatuan Haiwan Malaysia menggesa Jabatan Perkhidmatan Veterinar meneruskan siasatan terhadap pemilik kucing yang tergantung dan terseret pada pacuan empat roda seperti yang tular di media sosial, semalam.

Presiden Persatuan Haiwan Malaysia, Arie Dwi Andika berkata, ia demi menegakkan sistem keadilan jenayah haiwan dan sebagai satu pelajaran supaya pemilik berhati-hati dalam mengurus dan mengendalikan haiwan bawah tanggungjawab mereka.

"Seperti dijangka apabila haiwan yang menjadi mangsa kesengsaraan akibat perbuatan manusia tular. Pasti akan ada 'plot twist' alasan oleh pelaku atau pemilik untuk melepaskan tanggungan terhadap perbuatan terkait jenayah di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015.

"Persatuan Haiwan Malaysia gesa Jabatan Perkhidmatan Veterinar meneruskan siasatan dan mengemukakan kertas siasatan (IP) kes kepada pihak pendakwaan untuk proses perundangan

dan demi menegakkan sistem keadilan jenayah haiwan sebagai satu pelajaran supaya pemilik berhati-hati dalam mengurus dan mengendalikan haiwan bawah tanggungjawab mereka.

"Alasan tidak sengaja dan tidak tahu dalam laporan polis yang dibuat pemilik adalah seperti dijangka oleh Persatuan Haiwan Malaysia sebagai cubaan melepaskan diri daripada kaitan perundangan dan jenayah. Biarkan mahkamah menentukan tahap kes sama ada benar-benar kemalangan atau ada unsur jenayah disengajakan," katanya.

Arie yang juga Pengerusi Persatuan Penguatkuasaan Undang-Undang dan Penyiasatan Malaysia berkata, alasan yang diberikan pihak terbabit, tidak boleh diterima pakai dengan mudah.

"Kekhuatiran niat sebenar pemilik terhadap kucing perlu jelas dan alasan kemalangan atau ketidaksengajaan tidak boleh diterima pakai oleh pihak berkuasa dengan mudah.

"Perlu diingatkan bahawa walaupun alasan tidak sengaja dan alasan kemalangan diberikan dalam laporan polis dibuat pemilik, beberapa seksyen dalam

Akta Kebajikan Haiwan 2015 ada menetapkan hak haiwan dan tanggungjawab terikat pemilik terhadap haiwan.

"Antaranya Seksyen 27 membabitkan pengangkutan haiwan dan Seksyen 33 bagi kegagalan menjalankan penjagaan dan pengawasan yang munasabah," katanya.

Terdahulu, tular gambar kucing yang tergantung di belakang pacuan empat roda yang didakwa berlaku di Simpang Ampat, Pulau Pinang.

Susulan itu, pemilik kucing terbabit membuat laporan di Balai Polis Simpang Ampat yang menafikan melakukan penderaan ke atas kucing itu.-[MYMETRO](#)

## JPV Siasat Laporan Video Tular Kucing Dijerut, Diseret Pikap

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TVS	Nasional	Online	9 Ogos



Seekor kucing dijerut pada leher dan diseret dengan sebuah pikap didakwa berlaku di Simpang Ampat di Gerogetown sehingga mendapat perhatian warganet hari ini. Foto media sosial

GEORGE TOWN, 8 Ogos: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang mengambil tindakan susulan video tular yang memaparkan seekor kucing dijerut leher sebelum diseret dengan sebuah pikap dalam kejadian di Simpang Ampat di sini.

Pengaruhnya, Dr. Saira Banu Mohamed Rejab berkata kertas siasatan berhubung kejadian itu dibuka di bawah perenggan Akta Kebajikan Haiwan 2015 [Akta 772].

“Ketika ini kita sedang merakamkan keterangan

pelaku dan JPV juga dalam proses mengambil kucing tersebut.

“Kita harap semua pihak memberi ruang kepada JPV negeri untuk jalankan siasatan mengikut akta sedia ada,” katanya kepada pemberita hari ini.

Sementara itu, tindakan kejam itu mendapat perhatian warganet apabila rata-rata meninggalkan komen mengecam tindakan pelaku selain menggesa pihak berkuasa mengambil tindakan tegas.—TVS

## JPV Siasat Kucing Dijerut Sebelum Diseret Dengan Pacuan Empat Roda

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Gazette	Nasional	Online	9 Ogos



Gambar tular menunjukkan seekor kucing dijerut menggunakan tali sebelum diseret menggunakan pacuan empat roda dalam kejadian di Simpang Ampat, Pulau Pinang.

NIBONG TEBAL – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang telah mengambil tindakan susulan susulan video tular menunjukkan seekor kucing dijerut pada bahagian leher sebelum diseret menggunakan sebuah pacuan empat roda dalam kejadian di Simpang Ampat, dekat sini.

Pengarah JPV negeri, Dr. Saira Banu Mohamed Rejab berkata, pihaknya membuka kertas siasatan berhubung kejadian itu di bawah perenggan Akta Kebajikan Haiwan 2015 [Akta 772].

“Kita harap semua pihak sabar dan bagi ruang untuk JPV negeri jalankan siasatan mengikut akta sedia ada,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Tambah beliau, satu sidang media berhubung perkembangan siasatan serta tindakan akan dibuat esok.

Terdahulu, tular gambar menunjukkan sebuah pacuan empat roda mengheret seekor kucing dalam keadaan lehernya dijerut tali.–**MALAYSIAGAZETTE**

## KPKM Sokong Projek Pengeluaran Kerbau Di Sarawak

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	8 Ogos



MOHAMAD Sabu, gambar fail. FOTO Bernama

Lawas: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyokong usaha kerajaan Sarawak dalam memajukan projek pengeluaran tenusu dan pedaging kerbau di kawasan Meragang, bahagian utara negeri itu.

Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, usaha itu dilihat mampu meningkatkan bekalan pedaging tempatan sekali gus memastikan negara mampu mengurangkan kebergantungan terhadap import daging.

"Malaysia masih jauh ketinggalan dalam pengeluaran daging tempatan dengan negara kini hanya mampu memenuhi 15 peratus daripada keperluan."

"Sebanyak 85 peratus daripada bekalan daging perlu diimport, ini menunjukkan keperluan mendesak untuk meningkatkan pengeluaran daging tempatan khususnya kerbau dan lembu pedaging," katanya ketika berucap pada majlis Santai KPKM bersama Penternak, Petani dan Nelayan di sini malam ini.

Mohamad berkata, Lawas kini dilihat sebagai kawasan yang berpotensi tinggi untuk pelaburan dalam sektor pertanian dan penternakan.

Justeru, beliau menyeru masyarakat tempatan mengambil peluang dalam program Komuniti Madani bagi merancakkan aktiviti ekonomi yang membabitkan lima sektor tumpuan iaitu pertanian dan makanan, jahitan dan kraf tangan, herba dan kesihatan, pelancongan dan hospitaliti serta aktiviti hijau dan kitar semula.

"Setakat ini, hanya kurang 10 peratus daripada peruntukan RM1 bilion yang disediakan telah dibelanjakan. Oleh itu, diharapkan semua pihak dapat memainkan peranan dalam memastikan peruntukan ini digunakan sebaik mungkin bagi meningkatkan pendapatan dan keselamatan makanan negara," katanya.

Pada majlis itu, Mohamad turut menyampaikan geran Program Usahawan Kerbau yang bernilai RM1.7 juta kepada 10 penerima, Lesen Sampan Khas Daerah Lawas kepada 38 penerima dan Bantuan Kluster Ternakan Ikan Dalam Sangkar Air Payau serta Bantuan Input Ternakan dan Peralatan kepada enam penerima bernilai lebih RM370,000.

Pagi tadi, Mohamad mengadakan kunjungan hormat ke atas Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan Brunei Datuk Seri Setia Abdul Manaf Metussin di Bandar Seri Begawan dan menjemput beliau secara peribadi untuk menghadiri Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) bermula 11 hingga 22 Sept ini.

Pada sebelah petang pula, Mohamad mengadakan lawatan kerja ke Stesen Ternakan Kerbau di kawasan Maragang yang terletak 28 kilometer dari pekan Lawas sempena konvoi Jelajah Road To MAHA 2024 @Sarawak bermula hari ini hingga Ahad membabitkan Brunei, Lawas dan berakhir di Miri.

Sementara itu, KPKM dalam kenyataan memaklumkan Jelajah Road To MAHA 2024 @Sarawak menampilkan pelbagai aktiviti termasuk menerokai kawasan menarik dan berpotensi dalam menghasilkan teknologi moden pertanian, agropelancongan dan mengadakan sesi dialog serta libat urus bersama petani, penternak dan nelayan tempatan.

Menurut kenyataan itu, program tersebut juga

menjadi platform untuk membina jaringan antara pelbagai pihak berkepentingan yang terlibat dalam rantaian nilai pertanian dan ia merupakan kesinambungan daripada Road To MAHA 2024 @Sabah pada Julai lepas.

"Program jelajah ini bertujuan mempromosikan MAHA 2024 sebagai satu ekspo pertanian terbesar merangkumi pameran teknologi terbaharu, pemodenan dan pertanian pintar serta solusi hijau yang akan menentukan arah baru sektor agrikultur Malaysia," menurut kenyataan itu.-  
**MYMETRO**

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR